

ANALISIS DIMENSI UTAMA DALAM WACANA TEODISI

ANALYSIS OF THE KEY DIMENSIONS IN THEODICY DISCOURSE

Nurhanisah Senin^{1*}, Hamidun Mohamad Husin², Norsaleha Mohd Salleh³, Nazneen Ismail⁴ & Mustafa Kamal Amat Misra⁵

Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, nurhanisah.senin@usim.edu.my.
Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, hamidun@uis.edu.my.
Profesor Madya, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, norsaleha@uis.edu.my.
Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, nazneen@uis.edu.my
Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, mustafakamal@uis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Jul 2025

| Selepas Pembetulan: 21 Sept 2025

| Diterima untuk terbit: 28 Nov 2025

Abstrak

Konsep keadilan Tuhan merupakan isu utama dalam perbahasan falsafah agama. Persoalan yang sering timbul adalah bagaimana Tuhan yang Maha Adil dan Maha Baik boleh mengizinkan sesuatu yang tidak baik terjadi kepada manusia. Kertas kerja ini bertujuan meneliti tema-tema utama dalam perbahasan teodisi dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan dengan meneliti penulisan karya-karya ateis Barat serta tokoh-tokoh Islam dalam menjawab persoalan teodisi. Hasil kajian mendapati terdapat dua tema utama dalam perbahasan teodisi. Pertama, masalah kejahatan yang wujud dianggap sebagai tidak konsisten dengan kewujudan Tuhan. Kedua, perbuatan Tuhan yang berkaitan dengan kesempurnaan sifat-sifat Tuhan serta keadilanNya. Dalam menjawab persoalan kewujudan kejahatan bersamaan dengan kewujudan Tuhan serta keadilanNya, hujah teodisi Islam menegaskan tidak terdapat pertentangan di antara kewujudan kejahatan dan kewujudan Tuhan yang adil. Ini adalah kerana nilai kejahatan pada neraca manusia adalah berbeza daripada neraca Tuhan dan neraca Tuhan tidak boleh diukur dengan neraca manusia. Selain daripada itu, kejahatan merujuk kepada pilihan manusia dan kejahatan serta penderitaan adalah ujian bagi manusia untuk meningkatkan kedudukan manusia di sisi Tuhan. Implikasi daripada kajian ini, boleh digunakan dalam memahami konsep keadilan Tuhan serta menjawab syubhah-syubhah akidah golongan ateis dalam memahami kewujudan serta sifat kesempurnaan Tuhan.

Kata kunci

Teodisi, Keadilan Tuhan, persoalan kejahatan, penderitaan

Abstract

The concept of God's justice is a central issue in the discourse of religious philosophy. A frequently raised question is how an All-Just and All-Good God can permit bad things to happen to humans. This paper aims to examine the main themes in theodicy discussions using content analysis methods. The findings reveal two main themes in theodicy debates. First, the existence of evil is considered inconsistent with the existence of God. Second, God's actions are related to the perfection of His attributes and His justice. In addressing the question of the coexistence of evil and a just God, Islamic theodicy argues that there is no contradiction between the existence of evil and the existence of a just God based on four justifications: the

human perspective on the value of evil is different, God cannot be measured by human standards, evil refers to human choices (human actions, not God's actions), and evil and calamities are tests for humans to elevate their status in the sight of God. The implications of this study can be used to understand the concept of God's justice and to address the doubts of atheists regarding the existence and perfect attributes of God.

Keywords

Theodicy, Justice of God, Evil, Suffering

1.0 Pengenalan

Secara etimologinya, perkataan teodisi berasal daripada Bahasa Yunani yang terdiri daripada dua perkataan iaitu '*theo*' yang bermaksud tuhan dan '*dike*' yang bermaksud keadilan. Teodisi dianggap sebagai ilmu dalam usaha mempertahankan kebaikan dan keadilan Tuhan sejajar dengan realiti kehidupan manusia yang dipenuhi dengan kejahatan dan penderitaan (Swinburne, 1998 & Bowker, 2010). Isitilah teodisi (theodicy) ini dipelopori oleh Leibniz sekitar tahun 1710, salah seorang ahli falsafah Jerman yang cuba untuk merungkai persoalan keadilan Tuhan dalam bukunya yang ditulis dalam Bahasa Perancis dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh E.M Huggard yang berjudul *Theodicy: Essays on the Goodness of God, the Freedom of Man and the Origin of Evil* (Teodisi: Esei berkaitan Kebaikan Tuhan, Kebebasan Manusia dan Asal Usul Kejahatan). Tujuan esei tersebut adalah untuk menunjukkan bahawa kejahatan dalam dunia tidak bercanggah dengan kebaikan Tuhan dan walaupun terdapat banyak kejahatan, dunia ini adalah dunia yang terbaik dari segala kemungkinan. Perbahasan teodisi cuba untuk mencari titik penyelesaian hubungan di antara kejahatan di dunia dan kebaikan Tuhan (Leahy, 1993) kerana secara logiknya terdapat pertentangan di antara Tuhan yang bersifat sempurna yang juga merupakan kepada pencipta kepada kejahatan (McCloskey, 1974).

Permasalahan tentang konsep keburukan yang dinisbahkan kepada Tuhan sering menjadi perdebatan dalam wacana falsafah agama sama ada dalam falsafah Islam mahupun Barat. Perbahasan ini menjadi isu utama khususnya dalam agama-agama monoteistik kerana ianya melibatkan persoalan berkenaan kekuasaan dan kasih sayang Tuhan. Mereka beranggapan bahawa Tuhan wajib menghapuskan kejahatan kerana Tuhan itu sendiri Maha Baik. Konsep keadilan Tuhan cuba untuk dijustifikasikan dalam memahami keburukan serta penderitaan yang berlaku pada makhluk (Ahmad Faizuddin Ramli et al, 2022). Persoalan-persoalan sebegini merupakan penentangan terhadap kewujudan Tuhan dan agama seperti golongan ateis. Keburukan yang wujud di dunia seolah memalitkan persepsi negatif terhadap identiti agama yang berteraskan kepada kewujudan Tuhan yang bersifat Maha Baik dan Sempurna (Rouzati, 2018 & Syafieh, 2019). Kepercayaan seseorang individu sering dipengaruhi oleh pengalaman hidup yang mereka alami. Jika seseorang mengalami pengalaman negatif, seperti trauma seksual atau kehilangan orang yang dicintai, trauma tersebut secara tidak langsung boleh mempengaruhi keimanan dan kepercayaan mereka. Begitu pula dengan masalah kesihatan yang kritikal, terorisme, atau bencana alam boleh menimbulkan keraguan pada keyakinan seseorang terhadap agama dan kepercayaan pada Tuhan (Park & Blake, 2020). Pandemik COVID-19 juga telah menunjukkan kesannya terhadap keyakinan agama (Milman et al, 2020). Pengalaman-pengalaman negatif dalam kehidupan seseorang boleh menjadi faktor yang mempengaruhi keyakinan mereka kerana terdapat konflik antara keyakinan pada Tuhan yang penyayang dan berkuasa dengan fenomena sekitar kehidupan mereka. Menurut Hick (2004), sifat kecewa terhadap Tuhan wujud apabila Tuhan yang Maha Baik dan Berkuasa tidak menghentikan penderitaan yang berlaku kepada hambaNya.

Justeru, perbahasan teodisi cuba untuk mencari titik penyelesaian di antara kejahatan serta penderitaan yang berlaku di dunia dengan kebaikan dan kesempurnaan Tuhan. Persoalan seperti bagaimana Tuhan yang bersifat Maha Sempurna menciptakan kejahatan dan penderitaan sentiasa menjadi perbahasan golongan ateis (McCloskey, 1974). Banyak kekeliruan yang timbul dalam pemikiran golongan ateis menyebabkan mereka tidak dapat memahami konsep keadilan Tuhan dengan kewujudan kejahatan dan penderitaan. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menyorot perbahasan utama dalam teodisi iaitu

berkaitan dengan konsep teodisi, konsep kejahatan, perbuatan Tuhan daripada perspektif pemikir Barat dan Islam.

2.0 Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan dalam mengemukakan perbincangan yang komprehensif berkaitan dengan teodisi yang secara asasnya membincangkan tentang konsep keadilan Tuhan berdasarkan kepada penulisan artikel dan buku berkaitan. Selain itu, kajian ini menggunakan metode induktif dalam meneliti hujah-hujah yang dibawa oleh sarjana Islam dan Barat berkaitan konsep teodisi dan masalah kejahatan. Antara sumber yang menjadi rujukan dalam menganalisis persoalan kejahatan menurut golongan ateis Barat adalah seperti penulisan John Leslie Mackie dalam *Evil and Omnipotence* dan William Rowe dalam *The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism*. Adapun analisis daripada perspektif Islam merujuk kepada penulisan al-Ghazali dalam *al-Iqtisad fi al-'Itiqad*, al-Taftazani dalam *Syarah Aqaid al-Nasafiyyah* dan al-Buti dalam *Kubra al-Yaqiniyyat*.

3.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan beberapa perbincangan penting berkaitan dengan teodisi iaitu konsep teodisi, keadilan Tuhan menurut Islam serta elemen-elemen teodisi.

3.1 Konsep Teodisi

Teodisi adalah perbincangan khusus dalam disiplin ilmu teologi dan falsafah yang cuba mencari jalan penyelesaian terhadap persoalan kejahatan serta masalah yang timbul apabila kewujudan penderitaan dan kejahatan di dunia dengan kewujudan Tuhan yang sepenuhnya baik dan berkuasa tidak dapat diharmonikan. Menurut Alvin Plantinga (1974), teodisi adalah jawapan kepada soalan bagaimana Tuhan yang Maha Baik membenarkan kejahatan dan penderitaan untuk terjadi. Teodisi ditakrifkan sebagai sebuah konstruk teologi yang cuba menjawab salah faham sebahagian individu yang tidak dapat mengharmonikan kewujudan Tuhan dengan kewujudan kejahatan. Teodisi juga boleh difahami sebagai suatu mekanisme pembelaan terhadap kebaikan Tuhan dan ketentuan dalam pandangan wujudnya kejahatan dan penderitaan (Syah, 2022).

Leibniz (2009) dalam karyanya berpendapat kesempurnaan Tuhan tidak bercanggah dengan kezaliman dan keburukan yang berlaku di dunia ini kerana Tuhan telah memilih daripada pelbagai kemungkinan yang boleh berlaku dan sebaik-baik kemungkinan tersebut adalah pilihan Tuhan. Sama halnya dengan Plantinga (1974) yang merupakan seorang sarjana Kristian, menekankan sifat-sifat Tuhan yang Maha Mengetahui, Berkuasa dan Pengasih dalam menjawab persoalan kejahatan menerusi perbincangan kebebasan manusia dalam memilih dan menentukan sesuatu. Plantinga (1974) memberi justifikasi bahawa kewujudan kezaliman dan kesempurnaan Tuhan adalah sesuatu yang tidak bertentangan.

Perbincangan teodisi lazimnya cuba untuk membuktikan kewujudan Tuhan tidak bertentangan dengan kejahatan yang wujud di dunia ini (Geivett, 1995). Perbincangan teodisi menunjukkan bahawa adalah wajar untuk percaya kepada Tuhan walaupun terdapat bukti kejahatan di dunia dan menawarkan kerangka yang dapat menerangkan mengapa kejahatan wujud. Hampir semua perbincangan teodisi cuba untuk menyelesaikan pertentangan logik di antara tiga isu ini iaitu kekuasaan Tuhan, kebaikan Tuhan dan kewujudan kejahatan. Respon terhadap masalah kejahatan melalui wacana teodisi berbeza dengan pendekatan pembelaan. Pembelaan cuba untuk menunjukkan bagaimana kejahatan tidak bertentangan dengan kewujudan Tuhan tetapi ia tidak memberikan jawapan logik bagaimana untuk beriman dengan Tuhan sedangkan kejahatan tetap wujud (Bunnin & Tsui- James, 2022).

Perbahasan teodisi turut dilihat daripada pendekatan yang berbeza iaitu daripada menghapuskan konflik di antara kewujudan Tuhan dan kewujudan kejahatan. Seseorang boleh menerima pertembungan antara kewujudan kejahatan dan Tuhan yang sama-sama berkuasa mutlak dan baik dengan melihatnya sebagai menunjukkan jalan ke arah penghapusan sebenar kejahatan atau sebagai cara untuk memahami dengan lebih mendalam tentang sifat Tuhan, atau kedua-duanya. Sebagai contoh, seseorang boleh berpandangan bahawa Tuhan kerana kasih sayangnya terhadap manusia, telah memberikan manusia kebebasan untuk membuat pilihan yang salah dan mencipta kejahatan. Dalam masa yang sama Tuhan memberikan mereka melalui kekuasaan mutlakNya, keupayaan untuk menggunakan kebebasan kehendak mereka untuk mengatasi kejahatan. Proses pemilihan ini berkembang matang sejajar dengan kehidupan seseorang dalam mengatasi kejahatan.

Menurut Sami Amiri (2016), terdapat empat aliran utama dalam memahami masalah kewujudan Tuhan dan kewujudan kejahatan.

- 1) Aliran *wahdah al-wujud* (panteisme): Mereka mengingkari kewujudan Tuhan dan kewujudan kejahatan yang merupakan pemikiran golongan ahli falsafah.
- 2) Aliran *ilhad* (ateisme): Mereka mensabitkan kewujudan kejahatan dan menafikan kewujudan Tuhan.
- 3) Aliran *thanawiyah* (dualisme): Mereka mensabitkan kewujudan kejahatan dengan menisbahkannya kepada Tuhan lain. Terdapat dua tuhan iaitu tuhan baik dan tuhan yang menciptakan kejahatan. Mereka adalah golongan majusi dan manawi.
- 4) Aliran *ilahi* (teisme): Mensabitkan kewujudan Tuhan dan kewujudan kejahatan. Mereka menolak penisbahan kejahatan kepada Tuhan.

Bagi kelompok teis yang mempercayai kewujudan Tuhan, memandang Tuhan sebagai sempurna meskipun wujud kejahatan di dunia adalah sesuatu yang tidak bertentangan. Adapun menurut kelompok ateis, mereka menolak kewujudan Tuhan disebabkan kewujudan kejahatan yang tidak selaras dengan sifat kesempurnaan Tuhan sebagai yang Maha Berkuasa dan Maha Baik. Kewujudan kejahatan menunjukkan Tuhan tidak berlaku adil dan tidak melaksanakan perananNya sebagai Tuhan yang berkuasa. Teodisi yang diterima golongan teis telah ditolak oleh golongan ateis berdasarkan kepada dua asas berikut. Pertama, menurut ateis, teodisi tradisional ini hanyalah percubaan logik untuk menyelesaikan pertentangan di antara kekuasaan Tuhan, kebaikan Tuhan dan kewujudan kejahatan tanpa memberikan sebarang penyelesaian sebenar untuk menghapuskan kejahatan dan kejahatan masih juga wujud. Kedua, apabila mereka hanya cuba menyelesaikan pertentangan secara logik, kefahaman mereka terhadap kekuasaan dan kebaikan Tuhan, sama ada mereka menegaskan atau menafikan sifat Tuhan ini bertentangan dengan realiti yang berlaku (Tooley, 2015).

Adapun menurut golongan teis, kejahatan dan penderitaan adalah sebahagian dari perancangan Tuhan yang lebih besar yang tidak dapat difahami sepenuhnya oleh manusia. Ini sering dikaitkan dengan gagasan tentang keadilan daripada aspek eskatologi, di mana kejahatan akhirnya akan diadili oleh Tuhan di akhirat kelak.

Terdapat juga pandangan agama yang menekankan kejahatan dan penderitaan adalah realiti kehidupan dunia yang tidak dapat dielakkan. Tuhan menggunakan kejahatan tersebut untuk tujuan baik yang tidak dapat dilihat dan difahami oleh manusia pada saat ini. Pandangan ini menekankan kepercayaan pada rahmat dan kebijaksanaan Tuhan yang jauh melampaui batas pemikiran manusia.

3.2 Elemen Teodisi

Secara umumnya, terdapat dua elemen utama dalam perbahasan teodisi iaitu persoalan kejahatan dan kesempurnaan Tuhan.

3.2.1 Persoalan Kejahatan

Persoalan yang lazim ditanya oleh golongan ateis bagaimana kamu (yang mempercayai Tuhan) menganggap Tuhan sempurna sedangkan terdapat banyak kejahatan di dunia seperti sakit kematian, gempa bumi, kemarau dan sebagainya? Sekiranya Tuhan baik dan penyayang, bagaimana Dia boleh menciptakan kejahatan? (Mustafa Mahmud, 2013) Dalam memahami kejahatan, terdapat tiga jenis kejahatan secara umumnya dibahaskan oleh pemikir Barat. Pertama, kejahatan moral. Ia merupakan kejahatan yang melibatkan pilihan dan tingkah laku manusia yang menyebabkan kerosakan atau penderitaan seperti membunuh, mencuri, menipu atau bentuk-bentuk kesalahan lain yang dilakukan dengan sengaja. Kejahatan moral dilihat sebagai hasil daripada kegagalan moral individu atau masyarakat. Kedua, kejahatan alam. Ia merupakan penderitaan atau kerosakan yang disebabkan oleh proses atau kejadian semula jadi yang tidak berkaitan dengan manusia secara langsung seperti gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, penyakit serta bencana alam yang lain. Jenis kejahatan ini sering dikaitkan dengan peranan Tuhan dalam menyelamatkan manusia daripada penderitaan. Ketiga, kejahatan yang tidak beralasan (*gratuitous evil*). Ianya adalah penderitaan atau kejahatan yang tidak mempunyai tujuan yang lebih besar atau menyumbang kepada kebaikan. Ia dianggap sebagai kejahatan yang tidak perlu dan berlebihan seperti penderitaan yang melampau tanpa sebab, kekejaman ke atas seseorang yang tidak bersalah dan lain-lain lagi (Sami Amiri, 2016).

Adapun menurut al-Quran, secara umumnya kejahatan boleh difahami sebagai tindakan atau perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai baik. Istilah yang digunakan untuk kejahatan di dalam al-Quran merujuk kepada istilah *sharr* dan lawannya *khayr*. Perkataan *sharr* merujuk kepada perbuatan makhluk seperti bisikan syaitan, dengki, suka berputus asa, berpaling daripada Allah, berkeluh kesah, tergesa-gesa, kikir dan juga amalan sihir (Feni Khairunnisa, 2019). Hal ini jelas *sharr* yang disebutkan di dalam al-Quran merujuk kepada kejahatan moral iaitu atas pilihan manusia sendiri.

Manakala kejahatan alam seperti bencana alam, kesakitan dan sebagainya ianya tidaklah dianggap sebagai kejahatan pada hakikatnya. Penderitaan yang dialami oleh manusia boleh dilihat daripada dua perspektif berikut. Pertama, tiada pertembungan di antara sifat-sifat kesempurnaan Tuhan dan kewujudan penderitaan di dunia kerana kekuasaan Tuhan mengatasi segala sesuatu (Nurhanisah, 2022). Seperti firman Allah SWT,

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝

Katakanlah: "Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Surah Ali 'Imran 3: 26)

Kedua, sekiranya penderitaan dianggap sebagai ujian, ianya merupakan peluang kepada manusia untuk mengembangkan potensinya sebagai manusia dalam menelusuri perjalanan spiritual.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Dan sungguh akan Kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (Surah al-Baqarah 2: 155)

Jika diperhatikan ayat di atas, Allah menunjukkan ganjaran yang besar terhadap mereka yang bersabar apabila ditimpa ujian. Terdapat sebahagian peristiwa dalam kehidupan manusia yang dianggap

sebagai sesuatu yang negatif tetapi hakikatnya adalah baik bagi manusia (al-Baqarah 2: 216). Manusia sering beranggapan sesuatu yang bersifat kesenangan sebagai baik dan sesuatu yang sulit merupakan buruk (al-Fajr 89: 15-16). Hakikatnya, sesuatu hukuman atau keburukan juga boleh dianggap sebagai pendidikan kepada individu (al-A'raf 7: 130). Sekiranya manusia tidak bersyukur di atas kebaikan dan tidak dapat memahami pendidikan yang diberikan di sebalik keburukan yang menimpa, keburukan yang sebenar akan menimpa mereka iaitu terhalangnya mendapat hidayah daripada Tuhan (al-A'raf 7: 64).

Terdapat beberapa respon daripada al-Quran yang menunjukkan mengapa wujudnya kejahatan dan penderitaan di dunia. Secara umumnya, kejahatan wujud sebagai ujian kepada kehendak bebas manusia (al-Mulk 67: 2), membimbing manusia yang tersesat (al-Nahl 16: 53), mengingatkan manusia untuk kembali kepada Tuhan (al-Rum 30: 41), mencegah bahaya yang lebih besar (al-Kahf 18: 65-82), untuk menanamkan rasa syukur dalam diri manusia (al-Baqarah 2: 216, Ibrahim 14: 7) dan mengajar manusia kesalahan bangsa-bangsa terdahulu (Yunus 10: 92) (Mona Jahangiri, 2023). Tujuan-tujuan wujudnya kejahatan jelas menunjukkan kejahatan bukanlah sesuatu yang bersifat negatif semata-mata menurut al-Quran, tetapi mengandungi kebaikan bagi yang berusaha mencarinya.

Adapun dalam membahaskan masalah kejahatan dan kesannya terhadap sifat-sifat kesempurnaan Tuhan, Hume (1779) merupakan antara ahli falsafah yang terawal pada zaman moden yang menggunakan masalah kejahatan untuk menyanggah pandangan Leibniz.

1. Jika Tuhan berkuasa, Tuhan mampu menghilangkan kejahatan.
2. Jika Tuhan maha baik, Tuhan pasti akan menghalang kejahatan.
3. Jika Tuhan mampu dan berkehendak untuk menghalang kejahatan, tiada kejahatan.
4. Akan tetapi ada kejahatan.

Premis ini tidak menafikan kewujudan Tuhan secara mutlak akan tetapi kekuasaan dan kebaikan Tuhan adalah terbatas menurut Hume. Hume tidaklah dianggap sebagai ateis dalam kalangan pemikir Kristian di atas premis yang dibangunkan ini kerana masih tidak terdapat unsur menolak kewujudan Tuhan (Andre, 2021) namun yang ditimbulkan hanyalah keraguan sahaja.

Perbahasan ini kemudian dikembangkan oleh J.L Mackie yang dikenali sebagai "*Inconsistent Triad*" atau "Tiga Segitiga yang Tidak Konsisten" yang dipelopori oleh J. L. Mackie dalam penulisan *Evil and Omnipotence* yang secara terang-terangan mencabar kewujudan Tuhan menerusi permasalahan kejahatan. Teori teodisi golongan ateis secara asasnya terdiri daripada premis yang dibawa oleh J.L Mackie (1955) yang dikenali sebagai masalah logik (*logical problem*):

1. Tuhan yang wujud adalah yang Maha Baik, Mengetahui dan Berkuasa
2. Kekuasaan Tuhan tidak mempunyai limitasi
3. Tuhan akan sentiasa menghilangkan kejahatan
4. Kejahatan wujud, maka Tuhan tidak wujud.

Hujah ini bersifat deduktif dan fokus hujah ini adalah terhadap kemustahilan wujudnya Tuhan yang baik dan berkuasa dengan kewujudan kejahatan. Salah satu daripada kewujudan tersebut perlu dinafikan sekiranya mengikut kepada logik akal. Justeru, apabila kejahatan jelas wujud di dunia ini menunjukkan kewujudan Tuhan perlu dinafikan (Mackie, 1955).

Menurut Andre (2021), hujah Mackie yang menyatakan kewujudan kejahatan tidak serasi dengan kewujudan Tuhan yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui dan Maha Baik. Namun ianya dijawab oleh golongan teis bahawa kewujudan Tuhan dan kejahatan tidak menimbulkan sebarang pertentangan dengan premis berikut:

1. Tuhan wujud
2. Kejahatan wujud
3. Tuhan mempunyai sebab yang tersendiri mengizinkan kejahatan untuk wujud.

Premis di atas sejajar dengan prinsip logik dan secara tidak langsung golongan teis berjaya menjatuhkan hujah golongan ateis. Namun begitu, Rowe (1979) berusaha untuk menjawab semula hujah golongan teis dengan mencadangkan bahawa masalah kejahatan boleh menjadi hujah untuk menolak kewujudan Tuhan sebagai satu argumen *evidential*. Rowe (1979) menggunakan kesempatan dengan mengambil contoh bencana alam dan kesakitan yang merupakan kejahatan yang berlaku secara semulajadi dalam hujahnya menunjukkan ketidakwujudan Tuhan menerusi hujah seperti berikut (Rowe, 1979):

1. Terdapat kejadian penderitaan yang sangat hebat di mana Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui boleh menghalangnya tanpa kehilangan kebaikan yang lebih besar atau membenarkan kejahatan yang sama buruk atau lebih buruk.
2. Tuhan yang Maha Mengetahui dan sepenuhnya baik akan mencegah berlakunya penderitaan yang sangat hebat jika ia boleh, melainkan ia tidak boleh melakukannya tanpa kehilangan kebaikan yang lebih besar atau membenarkan kejahatan yang sama buruk atau lebih buruk.
3. (Oleh itu) Tidak wujud Tuhan yang Maha Kuasa, Maha Mengetahui, dan sepenuhnya baik.

Hujah ini bersifat induktif melihat daripada sejumlah kuantiti kejahatan yang wujud di dunia ini menyebabkan Tuhan tidak mungkin wujud. Hujah ini adalah hujah yang dibawa oleh Rowe dalam membuktikan kebarangkalian Tuhan tidak wujud adalah tinggi kerana kejahatan wujud.

Secara umumnya, hujah golongan ateis boleh dibahagikan kepada dua hujah utama iaitu masalah logik (*logical problem*) seperti yang dibawa oleh Mackie dan masalah pembuktian (*evidential problem*) yang dibawa oleh Rowe. Masalah logik secara asasnya tertolak manakala masalah hujah pembuktian menunjukkan bahawa kehadiran kejahatan yang tidak bersebab menjadikan kewujudan Tuhan tidak mungkin, walaupun tidak secara logik mustahil. Perbezaan di antara hujah logik dan hujah pembuktian adalah, hujah logik menekankan aspek kemustahilan secara logik untuk Tuhan dan kejahatan wujud bersama. Adapun hujah pembuktian lebih menunjukkan dengan wujudnya kejahatan, tidak mungkin Tuhan yang maha kuasa, mengetahui dan baik wujud (Trakakis, t.t).

Secara keseluruhannya, hujah teodisi ateis yang bertitik tolak daripada Hume yang mencadangkan konsep Inconsistent Triad dan kemudiannya diikuti oleh Mackie menerusi asas logik dan kemudian Rowe cuba pula untuk membahaskan hujah teodisi daripada aspek *evidential* menunjukkan golongan ateis tidak dapat mengharmonikan kewujudan Tuhan dengan kewujudan kejahatan yang akhirnya membawa kepada penafian terhadap kewujudan Tuhan

Adapun menurut perspektif Islam, pembenaran Tuhan bagi terjadinya kejahatan tidak menunjukkan kekurangan pada sifat kekuasaan Tuhan kerana pencegahan Tuhan terhadap berlakunya kejahatan bukanlah sesuatu yang harus secara logiknya sama seperti wajibnya bagi Tuhan untuk menghilangkan kejahatan adalah bertentangan dengan logik. Ini adalah kerana Tuhan mengizinkan kejahatan untuk wujud disebabkan Tuhan telah mengurniakan kepada manusia kebebasan berkehendak dan memilih di antara baik dan buruk dan menguji niat dan perbuatan mereka. Dan hal tersebut tidaklah termasuk dalam kekuasaan Tuhan dan atas kesempurnaanNya Dia perlu menghilangkan kejahatan. Malahan ia tidak logik sekiranya Tuhan hendak menguji hambaNya dengan kebaikan dan kejahatan tanpa di sana wujudnya kejahatan. Justeru, dalam menolak hujah di atas, Sami Amiri (2016) mencadangkan premis seperti berikut:

1. Allah menciptakan semua perkara baik.
2. Di antara perkara yang baik adalah kebebasan berkehendak bagi manusia.
3. Kebebasan berkehendak menyebabkan terjadinya kejahatan.
4. Justeru, makhluk yang Tuhan ciptakan baginya bebas memilih, harus untuk melakukan kejahatan.

Penciptaan alam dan manusia bukanlah sesuatu yang sia-sia tetapi setiap sesuatu yang dijadikan mempunyai tujuan yang tersendiri (al-Mu'minun 115, al-Qiyamah : 36, al-Anbiya' 16-17). Manusia diciptakan dengan akal dan kefahaman untuk membezakan kebaikan daripada keburukan dan memenuhi matlamat kehidupan iaitu menyembah Tuhan (Sami Amiri, 2016). Dalam erti kata lain, manusia diberikan kebebasan untuk berkehendak yang merupakan ciri utama sebagai khalifah di bumi. Kebebasan yang diberikan kepada manusia yang membawa manusia kepada kejahatan dan bertentangan dengan fitrahnya.

Kejahatan yang berlaku kepada manusia seharusnya dilihat sebagai ujian hidup termasuk kejadian buruk (al-Anbiya' 21: 35). Ujian ini dari satu sisi bertujuan untuk membantu jiwa manusia mencapai kesempurnaan (al-Mulk 67:2). Sepertimana yang berlaku kepada kesabaran yang dipaparkan oleh Nabu Ayub AS dan penyerahannya kepada Allah ketika menghadapi kesakitan yang mengangkat darjatnya (al-Anbiya' 21: 83-84).

3.2.2 Kesempurnaan Perbuatan Tuhan

Dalam memerihalkan konsep teodisi, perbincangan kesempurnaan perbuatan Tuhan merupakan aspek penting untuk memahami keadilan Tuhan. Persoalan yang sering timbul adalah, adakah harus untuk seseorang menyatakan Tuhan membuat kejahatan dan justeru Tuhan jahat? Perlu difahami kejahatan adalah satu sifat yang tidak boleh dinisbahkan kepada Tuhan dan sebaliknya ianya adalah sifat yang dinisbahkan kepada makhluk. Terdapat perbezaan di antara perbuatan Tuhan secara langsung dan perbuatan makhluk Tuhan. Allah tidak pernah menginginkan kepada hambaNya kecuali kebaikan. Namun begitu, apabila sesuatu kejahatan berlaku di dunia, ianya boleh difahami dalam dua keadaan berikut:

Pertama, Allah menciptakan manusia mempunyai kehendak untuk memilih apa yang tidak diredai oleh Allah. Kejahatan di sini justeru adalah disebabkan oleh kehendak manusia dan Allah menciptakan kemampuan untuk mewujudkan kejahatan bukan kejahatan tersebut secara zatnya (Sami Amiri, 2016).

Seorang hamba apabila ia melakukan sesuatu kejahatan yang terlarang, dia yang melakukan kejahatan dan keburukan tersebut. Adapun Tuhan dianggap sebagai yang menjadikan atau membenarkan dia melakukan perkara tersebut. Perbuatan Tuhan tersebut adalah adil, penuh hikmah dan kebenaran. Maka Dia yang menjadikan pelaku adalah baik dan yang diperlakukan (iaitu manusia yang melakukan kejahatan) adalah buruk. Jika seorang tukang yang mahir mengambil kayu yang bengkok, batu yang pecah, dan bata yang tidak sempurna lalu meletakkannya di tempat yang sesuai, itu adalah keadilan daripadanya meskipun ada kekurangan dan kecacatan di tempat tersebut yang mungkin akan dicela. Dan barangsiapa meletakkan keburukan di tempat yang sesuai dan layak dengannya, itu adalah kebijaksanaan, keadilan, dan kebenaran. Sebaliknya, kebodohan dan ketidakadilan adalah meletakkan keburukan di tempat yang tidak sesuai (al-Jawzi, 1978).

Maksud kejahatan adalah apa yang memudaratkan bagi pelakunya, penyebab penghinaan dan seksaan terhadapnya. Hal ini akan berbalik kepada pelaku yang melakukan perbuatan jahat tersebut dan bukan ke atas pencipta yang menciptakan perbuatan tersebut untuk makhluknya (Ibn Taimiyah, 1971).

Kedua, Allah menciptakan makhluknya yang tidak berakal dengan kejahatan akan tetapi ianya dianggap sebagai kejahatan pada satu sisi dan bukan pada semua sisi yang lain. Sebagai contoh, gempa bumi dan letupan gunung berapi adalah hasil daripada fenomena alam dan tidak boleh dianggap sebagai satu kejahatan kerana pada satu sisi yang lain, bencana seperti ini akan menyuburkan tanah dan mengeluarkan khazanah alam agar dapat dimanfaatkan oleh orang sekelilingnya (Sami Amiri, 2016).

Kesan yang negatif lazimnya terjadi kepada sebahagian makhluk namun yang pasti juga akan ada kebaikan yang dapat dimanfaatkan oleh manusia selepas daripada bencana tersebut pada sisi yang lain. Pada satu sisi, ianya dianggap sebagai kejahatan. Namun, bukan Allah yang melakukan kejahatan tersebut. Walaupun Allah mengizinkan beberapa fenomena negatif ini untuk berlaku, hikmah di sebalik fenomena negatif tersebut melebihi kejahatan yang timbul daripadanya. Kehendak Allah SWT pada perbuatannya tidak mengandungi kejahatan melainkan semuanya adalah baik (al-Jawzi, 1978).

Secara keseluruhannya, Allah ialah pencipta kesemua perbuatan hamba sama ada kekufuran, keimanan, ketaatan ataupun kemaksiatan dan kesemuanya adalah dengan iradah dan masyiah Allah. Setiap hamba mempunyai pilihan yang dengannya dia diberikan balasan baik dan diberikan balasan buruk. Perkara yang baik daripadanya adalah dengan reda Allah dan perkara yang buruk adalah bukan dengan reda Allah (al-Taftazani, 2017). Kehendak Allah terbahagi kepada dua iaitu yang membawa maksud kehendak semata-mata tanpa reda (Surah Hud 11: 34 & Surah al-A'raf 7: 186) dan seterusnya kehendak yang diikuti dengan reda (Surah al-Nisa' 4: 27 & Surah al-Baqarah 2: 185) (Sami Amiri, 2016).

Setiap sesuatu yang Allah kehendaki adalah baik dan tiada kejahatan padanya. Terdapat perbezaan di antara kehendak Allah bagi perbuatanNya dan kehendakNya bagi hasil perbuatanNya (mahlukNya); perbuatanNya adalah kebaikan semata-mata, adil, dan bermanfaat, tidak ada keburukan di dalamnya dari mana-mana sudut. Sedangkan hasil perbuatanNya adalah perkara yang boleh dibahagikan antara kebaikan dan keburukan. Jelas di sini terdapat dua jenis kehendak iaitu kehendak melakukan iaitu kehendak Tuhan dan kehendak untuk melakukan bagi hambaNya iaitu kehendak bagi yang diperlakukanNya terpisah daripadanya. Kedua-dua kehendak ini tidak semestinya berkait rapat (Sami Amiri, 2016).

Terdapat beberapa perkara yang mungkin diinginkan oleh hambaNya akan tetapi Tuhan tidak menginginkan untuk membantu serta memberinya kejayaan dan melepaskannya dari semua halangan. Sepertimana Tuhan menginginkan daripada Iblis untuk sujud kepada Adam tetapi Iblis enggan untuk sujud dan Tuhan biarkan ianya berlaku kerana ianya adalah apa yang dikehendaki oleh hambaNya.

Firman Allah di dalam Surah al-Buruj 85: 16 yang bermaksud "Pelaksana segala yang dikehendakiNya" merujuk kepada kehendak Allah perbuatanNya dan bukan bagi perbuatan hambaNya. Perbuatan Tuhan ini tidak terbahagi kepada baik dan buruk. Sama seperti ayat di dalam Surah al-Falaq 113: 2 yang bermaksud "Daripada kejahatan apa yang Dia ciptakan" bukanlah merujuk kepada Tuhan yang menciptakan tetapi bermaksud kejahatan mahlukNya (Sami Amiri, 2016). Menurut Ibn Abbas seperti yang dinukilkan dalam Tafsir al-Kabir Imam al-Razi, terdapat tiga tafsiran makna bagi kejahatan dalam ayat tersebut iaitu, kejahatan yang merujuk kepada Iblis, kejahatan jahannam dan kejahatan haiwan, manusia dan jin.

Secara keseluruhannya, perbuatan Allah tidak boleh dikaitkan dengan sebarang kejahatan ataupun keburukan kerana perbuatan Allah sebagai Pencipta adalah sempurna dan adil semata-mata seperti mana yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan ditafsirkan oleh ilmuan Islam. Adapun setiap kejahatan yang berlaku adalah merujuk kepada kehendak manusia tanpa dikaitkan dengan sifat kehendak Allah kerana baik dan buruk pada neraca manusia tidak dapat diukur pada perbuatan Allah.

3.3 Analisis Keadilan Tuhan Menurut Islam

Dalam memahami keadilan Tuhan menurut perspektif Islam, Rasulullah SAW dalam sebuah hadis qudsi bersabda bahawa Allah SWT berfirman:

يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا، فَلَا تَظَالَمُوا

Maksudnya: "Wahai hamba-hamba-Ku! Sesungguhnya Aku telah mengharamkan sifat zalim ke atas diri-Ku dan Aku jadikannya (kezaliman) haram antara kalian, maka janganlah kalian berlaku zalim sesama kalian." (Riwayat Muslim, Hadis no. 2577)

Selain daripada itu, Allah SWT turut berfirman,

أَفَعَيَّرَ اللَّهُ أَبْتَغِي حَكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ ءَاتَيْنَهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ
مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ

Maksudnya: “Maka, apakah (pantas) aku mencari selain Allah sebagai hakim, padahal Dialah yang menurunkan Kitab (Al-Quran) kepadamu (dengan penjelasan) secara terperinci? Orang-orang yang telah kami anugerahi Kitab Suci mengetahui (bahawa) sesungguhnya (Al-Quran) itu diturunkan dari Tuhanmu dengan benar. Maka, janganlah sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang ragu.” (Surah al-An'am 6: 114)

Hujah teodisi Islam menegaskan bahawa tidak terdapat pertentangan antara kewujudan kejahatan dan kewujudan Tuhan yang adil berdasarkan empat justifikasi utama. Pertama, nilai kejahatan pada neraca manusia adalah relatif dan tidak boleh dijadikan ukuran mutlak dalam menilai keadilan Tuhan. Tuhan tidak boleh diukur dengan neraca manusia kerana sifat-Nya yang Maha Tinggi dan tidak terjangkau oleh pemikiran manusia. Kejahatan tidak boleh disabitkan kepada Tuhan. Yang menjadikan baik dan buruk itu adalah Allah. Tiada satu pun dilihat pada zatNya yang dinamakan baik atau buruk. Segala sesuatu atau segala perkara nisbah kepada Allah pada awal kejadian adalah sama. Namun kerana manusia terlalu biasa dengan menjadikan pertalian antara segala sesuatu dengan sifat kekhususannya, dia memahami makna baik dan buruk itu sudah sedia wujud pada zat diri kedua-duanya tanpa tercerai yang satu dari yang lain (al-Buti, 1997). Hakikat penentuan nilai baik dan buruk sesuatu perbuatan itu menurut pujian, celaan, ganjaran dan hukuman terhadap kedua-duanya di sisi Allah SWT adalah ghaib dan dilemahi oleh – logik akal – manusia (al-Buti, 1997). Maka nilai kebaikan bagi manusia adalah menurut – ketentuan – apa yang diarahkan olehNya, manakala nilai keburukan bagi manusia adalah menurut – ketentuan – apa yang dilarang olehNya. Kebaikan ialah apa yang dinilai baik oleh syarak, manakala keburukan ialah apa yang dinilai buruk oleh syarak (al-Qusi, 2006).

Manakala dalam konteks perbuatan Allah, Dia tidak melakukan keburukan, bahkan perbuatanNya adalah kebaikan belaka. Tiada keburukan bagi perbuatanNya dan tiada pemberi kesan di alam ini selainNya. Justeru, keburukan, kejahatan dan kesengsaraan di alam ini adalah berkait dan termasuk dalam perbuatanNya (al-Qusi, 2006). Al-Ghazālī menegaskan bahawa manusia tidak seharusnya mengandaikan apa yang perlu dilakukan oleh Tuhan samada untuk menghilangkan kejahatan atau penderitaan ke atas manusia, kerana ini akan membawa kepada mengenakan kewajiban ke atas Tuhan; definisi kewajiban ialah jika sesuatu tidak dipenuhi, maka akan berlaku mudarat dan ia adalah mustahil untuk disabitkan kepada Tuhan. Maksud *al-'adl* dalam Islam adalah 'meletakkan sesuatu pada tempatnya'. Justeru, keadilan Allah SWT boleh difahami dengan Allah bebas untuk melakukan segala sesuatu ke atas makhlukNya. Alam ini merupakan ciptaan Allah justeru Allah bebas melakukan apa sahaja yang dikehendakinya tanpa ada limitasi yang boleh ditetapkan oleh manusia dan setiap perbuatan tersebut adalah adil (al-Shahrastani). Justeru dalam memahami prinsip keadilan Tuhan, tidak ada satu peraturan atau kayu ukur yang boleh menilai perbuatan Tuhan kerana setiap peraturan adalah ciptaan Allah (al-Buti, 1976).

Kedua, kejahatan dikaitkan dengan pilihan manusia, di mana tindakan kejam atau tidak baik adalah hasil daripada keputusan manusia sendiri dan bukan perbuatan Tuhan. Aliran Ash'ari memperkenalkan konsep kasb (perolehan) untuk menjelaskan hubungan antara kehendak bebas manusia dan kehendak ilahi. Menurut pandangan ini, walaupun Allah menciptakan semua perbuatan (baik dan buruk), manusia "memperoleh" perbuatan dengan memilih untuk melakukannya, menjadikan mereka bertanggungjawab atas pilihan mereka (al-Ash'ari, 2021). Kerangka ini berusaha untuk mengimbangi ketetapan Allah dengan tanggungjawab moral manusia, dengan mencadangkan bahawa manusia mempunyai keupayaan untuk bertindak, tetapi kemampuan mereka tetap berasal daripada Allah. Tanggungjawab moral manusia adalah berkait dengan perintah Allah yang perlu diikuti (al-Qusi, 2006).

Ketiga, kejahatan dan musibah dilihat sebagai ujian dari Tuhan yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan manusia di sisi-Nya, serta memberi peluang untuk manusia menguatkan iman dan ketakwaan mereka. Ujian kehidupan, termasuk penderitaan dan kejahatan, dilihat sebagai peluang untuk pertumbuhan

moral dan ketabahan. Al-Quran dan teologi Ash'ari sama-sama mencadangkan bahawa menghadapi kesukaran dengan kesabaran dan kepercayaan kepada Allah adalah jalan menuju kematangan rohani dan ganjaran. Kejahatan dan penderitaan, oleh itu, bukanlah sesuatu yang sia-sia tetapi merupakan elemen penting untuk menguji keimanan dan membina nilai-nilai mulia (al-Sulami, 1995). Kejahatan yang kelihatan mungkin mempunyai tujuan dalam hikmah Allah yang lebih besar, yang berada di luar pemahaman manusia. Apa yang kelihatan seperti keburukan atau penderitaan mungkin menjadi cara untuk menguji keimanan, memperbaiki akhlak, atau mempersiapkan orang beriman untuk kebaikan yang lebih besar di dunia ini atau di Akhirat. Perspektif ini selaras dengan pandangan Al-Quran bahawa kehidupan adalah ujian dan bahawa kesabaran dalam menghadapi kesukaran membawa ganjaran rohani seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah 2: 216 dan surah al-Baqarah 2: 155.

Secara kesimpulannya, setiap perbuatannya adalah adil tanpa mengira samada ianya baik atau buruk menurut neraca manusia. Ini menunjukkan kayu ukur keadilan yang berada dalam tafsiran pemikiran manusia tidak boleh digunakan untuk mengukur perbuatan Tuhan (al-Ghazali, 2008). Hal ini adalah sejajar dengan prinsip al-Quran yang menafikan sifat zalim dinisbahkan kepada Tuhan (Surah Ghafir 40: 31, Surah Yunus 10: 44, Surah al-Nisa' 4: 40, Surah al-An'am 6: 160 & Surah al-Anbiya 21: 47).

Keadilan Allah tidak terkait dengan kewujudan apa sahaja di alam ini kerana semuanya adalah makhluk Allah. Wujudnya keburukan dan kemudaratan tidak mencacatkan kesempurnaan Allah. Tidak menyebabkan apa-apa kekurangan bagi Allah untuk mencipta kelemahan dan kekurangan di alam semesta seperti menjadikan sifat lemah abgi makhluk. Allah juga tidak akan menjadi buruk dengan mencipta sifat bohong dan dusta (sifat sebahagian manusia). Allah akan menjadi kurang dan buruk sekiranya bersifat dengan kedua-dua sifat tersebut dan hal ini adalah mustahil di sisi Allah. Tambahan lagi, Allah yang menjadikan dusta itu buruk menurut syariatNya, maka tidak selayaknya bagi Allah yang mencipta bersifat dengan perkara buruk yang diciptakanNya (al-Buti, 1997).

4.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya perbahasan falsafah agama mengenai keadilan Tuhan merangkumi isu kompleks yang melibatkan dua tema utama. Pertama, persoalan mengenai konsistensi kewujudan kejahatan dengan kewujudan Tuhan yang Maha Adil. Isu ini sering menimbulkan persoalan bagaimana Tuhan yang Maha Baik boleh membenarkan sesuatu yang tidak baik berlaku kepada manusia. Kedua, terdapat persoalan bagaimana perbuatan Tuhan yang berkaitan dengan kesempurnaan sifat-sifat-Nya, termasuk keadilan, dapat diterima dalam konteks kewujudan kejahatan.

Hujah teodisi dalam Islam menekankan bahawa kewujudan kejahatan tidak bercanggah dengan kewujudan Tuhan yang adil berdasarkan kepada tiga asas utama. Pertama, penilaian manusia terhadap kejahatan adalah bersifat relatif dan tidak boleh dijadikan ukuran mutlak bagi menilai keadilan Tuhan. Tuhan tidak dapat dinilai menggunakan ukuran manusia kerana sifat-Nya yang Maha Tinggi dan melebihi kemampuan pemikiran manusia. Kedua, kejahatan dikaitkan dengan kebebasan memilih manusia, di mana perbuatan jahat atau buruk adalah akibat keputusan manusia sendiri dan manusia harus bertanggungjawab atas perbuatannya. Ketiga, kejahatan dan musibah dilihat sebagai ujian daripada Tuhan yang bertujuan meningkatkan darjat manusia serta memberi peluang untuk memperkukuh iman dan ketakwaan mereka.

Implikasi daripada kajian ini menunjukkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep keadilan Tuhan dalam konteks teodisi penting untuk dibahaskan dalam memberikan jawapan kepada syubhah-syubhah akidah yang dikemukakan oleh golongan ateis, serta membantu dalam menjelaskan kewujudan dan sifat kesempurnaan Tuhan. Dengan demikian, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada perbahasan falsafah agama tetapi juga menawarkan pandangan yang bermanfaat untuk menjawab keraguan terhadap syubhah akidah dan memperkukuhkan kefahaman tentang prinsip-prinsip keadilan Tuhan menurut perspektif Islam.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk 'Elemen Teodisi dalam Pemikiran Ateis di Selangor'. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-007.

Rujukan

- Al-Ash'ari, Abu al-Hasan. (2022). *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Fuad Syaifudin (pent). Jakarta: PT. Rene Turos.
- Al-Buti, Sa'id Ramadhan. (1997). *Kubra al-Yaqiniyyat: Wujud al-Khaliq wa Wazifah al-Makhlūq*. Syria: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Sa'id Ramadhan. (1976). *Al-Insan wa 'Adalat Allah fi al-Ard*. Damascus: Maktabat al-Farābī.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid bin Muhammad. (2008). *Al-Iqtisād fi al-I'tiqād*. Jeddah: Dār al-Minhaj.
- Al-Jawzi, Ibn al-Qayyim. (1978). *Syifa' al-'Alil fi Masail al-Qada' wa al-Qadr wa al-Hikmah wa al-Ta'liil*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Al-Qusi, Muhammad Abd al-Fudhail. (2014). *Hawamish 'ala al-Iqisad fi al-I'tiqad li Hujjah al-Islam al-Ghazali*. Kaherah: Dar al-Basair
- Al-Shahrastani, Muhammad bin 'Abd al-Karim. n.d. *Al-Milal wa al-Nihal*. Vol. 1-3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sulamī, al-Izz Abd al-Azīz ibn Abd al-Salām. (1995). *Kitāb al-Fitan wa al-Miḥan wa al-Balāyā wa al-Razāyā aw Fawā'id al-Balw ā wa al-Miḥan*. Damsyik: Dār al-Fikr
- Al-Taftazani, Sa'duddin. (2017). *Sharh al-'Aqid al-Nasafiyah*. (Terj.). Selangor: IBDE
- Andre, Shane. (2021). The Problem with the Problem of Evil. *Open Journal of Philosophy*. 11. 336-354
- Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir ibn Tahr. (1928). *Usul al-Din*. cet. I. Istanbul: Matba'ah al-Dawlah.
- Bagus, L. (2002). *Kamus Filsafat*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Feni Khairunnisa. (2019). *Analisis Semantik Terhadap Kata Syarr Dan Derivasinya Dalam Al-Qur'an*. Disertasi Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Hick, J. (2004). *An Interpretation of Religion*. New Haven and London: Yale University Press
- Hume, D. (1779). *Dialogues Concerning Natural Religion*. Book X. <https://doi.org/10.1093/oseo/instance.00044084>
- Ibn Taimiyyah. (1971). *Al-Hasanah wa al-Sayyiah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jahangiri, Mona. 2023. "The Question of Theodicy in Islamic Philosophy—Suggesting a Solution: Badā'" *Religions* 14, no. 8: 1047. <https://doi.org/10.3390/rel14081047>
- Leahy, Louis. (1993). *Filsafat Ketuhanan Kontemporer*. Yogyakarta: Kanisius.
- Leibniz, Gottfried Wilhelm. (2009). *Theodicy*. New York: Cosimo
- Mackie, J. L. (1955). Evil and Omnipotence. *Mind*. LXIV. 200-212.

- McCloskey, H. J. (1974). "The Morality of Punishment of the 'Moral' Criminal". Dlm *Punishment and Human Rights*. Cambridge: Schenkman Pub. Co.
- McCloskey, H. J. (1974). *God and Evil*. Netherlands: Martinus Nijhoff
- Milman, E., Lee, S. A., Neimeyer, R. A., Mathis, A. A., & Jobe, M. C. (2020). Modeling pandemic depression and anxiety: The mediational role of core beliefs and meaning making. *Journal of Affective Disorders Reports*, 2, 100023.
- Mustafa Mahmud. (2013). *Hiwar ma'a Sodiqi al-Mulhid*. Qahirah: Maktabah Misr.
- Nurhanisah Senin. (2022). Memahami Teodisi dalam Perspektif Islam. *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin*. FPPI, KUIS. 114-120. e ISBN 978-967-2808-28-2
- Park, C. L., & Blake, E. B. (2020). Resilience and recovery following disasters: The meaning making model. In S. E. Schulenberg (Ed.), *Positive psychological approaches to disaster: Meaning, resilience, and posttraumatic growth* (pp. 9–25). Springer.
- Plantinga, A. (1974). *God, Freedom, and Evil*. Grand Rapids. MI: William B. Eerdmans Publishing Co.
- Rouzati, Nasrin. (2018). Evil and Human Suffering in Islamic Thought—Towards a Mystical Theodicy. *Religions*. 9 (47). doi:10.3390/rel9020047
- Rowe, W. L. (1979). The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism. *American Philosophical Quarterly*. 16. 335-341.
- Rowe, William L. 1978. *Philosophy of Religion: An Introduction*, first edition. Encino, CA: Dickenson Publishing Company..
- Rowe, William L. 1979. "The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism," *American Philosophical Quarterly* 16: 335-41.
- Sami Al-Amiri. (2016). *Mushkilat Al-Shar wa wujud Allah – Al-Rad ala Abrz Shubuhat Al-Malahidah*. London: Takwin lil Diasat wa Al-Abhath.
- Syafieh. (2019). Kejahatan dan Campur Tangan Tuhan. *LENERA: Indonesian Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*. 1 (1). 69-84
- Syah, Y. H. H. (2022). Pemikiran Teodisi Ibn Arabi Tentang Keburukan. *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*. 7(1). 61-85.
- Swinburne, R. (1998). *The Coherence of Theism* (rev. ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Tooley, Michael. (2015). "The Problem of Evil". in Zalta, Edward N. (ed.) *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Winter 2021 ed.) Metaphysics Research Lab, Stanford University <https://plato.stanford.edu/entries/evil/>. 1 June 2024
- Theodicy. (2010). In *The Oxford Dictionary of World Religions* (J. Bowker, Ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Trakakis, Nick. *The Evidential Problem of Evil*. <https://iep.utm.edu/evil-evi/>. 1 June 2024